

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVII)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

30. Prestasi Kewangan Negeri Pulau Pinang:

- (a) Sila nyatakan prestasi kewangan terkini negeri Pulau Pinang dari segi jumlah dan akaun berkaitan.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

30. (a) Prestasi kewangan Negeri Pulau Pinang pada masa ini di dalam keadaan stabil dan kukuh dengan rizab terkumpul Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM1.97 bilion. Bagi tahun 2020, kutipan hasil terkumpul Kerajaan Negeri Pulau Pinang sehingga 31 Mac 2020 adalah sebanyak RM115.48 juta dan jumlah perbelanjaan terkumpul berjumlah RM167.53 juta. Pada suku kedua, ketiga dan keempat, dijangka kedudukan kewangan akan bertambah baik disebabkan berlaku peningkatan jumlah kutipan hasil. Jumlah pelaburan kerajaan pada tahun 2019 telah meningkat sebanyak RM0.12 bilion berbanding RM1.95 bilion pada tahun 2018. Manakala hutang awam Kerajaan Negeri telah berkurangan daripada RM57.83 juta pada tahun 2018 kepada RM53.77 juta pada tahun 2019.